

Jangan leka dengan kemajuan

BH 21 DEC 1993

GEORGETOWN, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan rakyat supaya tidak terlalu leka dan memandang ringan kemajuan serta pembangunan pesat yang dikecapi negara sekarang.

Menurut Perdana Menteri, apa yang diperolehi bukannya melalui jalan mudah, atau datang bergolek, sebaliknya hasil gigih pemimpin terdahulu menghasilkan formula berkesan yang diwarisi sehingga kini.

"Kemampuan pemimpin terbabit mengadakan kerjasama dan menggabungkan tiga parti utama yang merangkumi tiga kaum utama negara ini menerusi parti Perikatan adalah titik permulaan kepada kemajuan dan pembangunan sekarang.

"Formula yang dirangka pada masa itu kini

menjadi pegangan dan teras Barisan Nasional (BN) yang menggabungkan 13 parti komponen," katanya berucap di majlis jamuan BN Pulau Pinang, di sini, malam ini.

Di majlis itu, Dr Mahathir memotong kek harijadinya yang disumbangkan oleh BN negeri sempena ulangtahun kelahirannya hari ini. Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Ketua Menteri, Dr Koh Tsu Koon. Kira-kira 1,200 pemimpin dan ahli parti komponen hadir sama.

Perdana Menteri berkata, kesediaan semua parti komponen BN membenarkan kelonggaran yang diubahsuai membolehkan mereka berkerjasama serta menerima kenyataan bahawa setiap parti lain mempunyai hak masing-masing.

"Inilah yang menjadi kunci utama rakyat negara ini dapat hidup aman damai tanpa sebarang masalah yang ketara walaupun ia terdiri dari berbilang kaum, agama dan budaya," katanya.

Beliau berkata, harus diingatkan bahawa tidak banyak negara di dunia yang mengalami dan mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik seperti Malaysia kerana masih mampu mengekalkan pertumbuhannya walaupun ekonomi dunia secara keseluruhannya mengalami kemelesetan.

"Sekiranya kita tidak mewujudkan keamanan, ekonomi negara pasti tidak boleh berkembang pesat. Kita harus berbangga kerana rakyatnya berupaya menjalin hubungan baik, berbanding negara seperti di Asia Barat, Afrika dan Amerika Sela-

tan yang sentiasa bergolak," katanya.

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia harus bersama dalam membangunkan negara dan mengelak daripada membangkitkan perkara berbau perkauman kerana ia akan mendorong perbalahan serta huru-hara.

"Rusuhan kaum pada 1969 harus menjadi pengajaran kepada semua kerana saya sedar rakyat negara ini ingin hidup dalam keadaan aman dan tenteram serta tidak suka kepada perbalahan.

"Rakyat perlu faham proses pembangunan negara serta bagaimana negara boleh menikmati kemajuan sekarang. Kita tidak boleh mengangapnya sebagai satu perkara biasa kerana ia tidak datang begitu sahaja tanpa usaha dan kerja keras," katanya.